

## **Terma & Syarat Peraduan “Julie’s Choco More, Bola More”**

### **1. PENGANJUR**

- Peraduan Julie’s Choco More, Bola More (“Peraduan”) dianjurkan oleh Julie’s Marketing Sdn Bhd (“Penganjur”)

### **2. TEMPOH PENYERTAAN**

- Peraduan ini akan bermula dari 1 Nov 2022 dan tamat pada 30 Nov 2022 pukul 11:59 malam (“Tempoh Peraduan”).
- Pihak Penganjur berhak untuk membuat pindaan ke atas Tempoh Peraduan, Cara Penyertaan dan Hadiah Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu kepada mana-mana pihak. Penyertaan yang diterima di luar daripada Tempoh Peraduan akan dibatal secara automatik.

### **3. KELAYAKAN PENYERTAAN**

- Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur antara 18 tahun ke atas (selaku pada 31 Oktober 2022) kecuali mereka yang dinyatakan dalam perenggan di bawah:-
- Para pekerja Penganjur (termasuklah anggota bersekutunya dan/atau syarikat-syarikat yang berkaitan) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak, ibu bapa, adik-beradik termasuk pasangan mereka); dan/atau agensi yang terlibat secara langsung dalam menganjurkan Peraduan ini.
- Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan peserta yang terlibat dalam mana-mana kategori yang disebut diatas dan/atau yang melanggar mana-mana terma & syarat bertulis.

### **4. CARA & KRITERIA PENYERTAAN:**

- Untuk mengambil bahagian dalam Peraduan ini, peserta hendaklah mematuhi langkah-langkah berikut:-
- Langkah 1: Beli rangkaian produk Biskut Sandwic Berkrim Coklat Julie’s (Choco More) yang nilainya berjumlah RM5 dan ke atas dalam satu resit rasmi untuk menyertai Peraduan ini. Pembelian adalah disah kepada mana-mana peruncitan yang menjual produk tersebut, termasuk pembelian dalam talian

(e-commerce). Resit rasmi kedai mesti dicetak melalui sistem POS (“Tempat Jualan” atau dikenali sebagai “Point-Of-Sale”) dengan jelas bersama jenama produk, nama/logo kedai, dan nilai pembelian yang bertarikh dalam Tempoh Peraduan. Sebarang pembelian sebelum dan/atau selepas Tempoh Peraduan tidak akan diterima oleh pihak Penganjur.

- Langkah 2: Peserta perlu mengimbas kod QR yang akan disambung kepada laman sesawang penyertaan Peraduan. Isi dan hantar butiran di bawah:-
- Nama Penuh
- Nombor Kad Pengenalan (MyKad)
- Nombor Telefon
- Emel
- Negeri
- Bandar
- Muat Naik Gambar Resit Rasmi
- Outlet Pembelian
- Jawab soalan “Saya suka Biskut Sandwic Berkrim Coklat Julie’s (Choco More) kerana...” (tidak melebihi 30 patah perkataan)

## **5. HADIAH-HADIAH PERADUAN**

- Klasifikasi hadiah-hadiah adalah:- satu (1) Hadiah Utama, satu (1) Hadiah Pertama, satu (1) Hadiah Kedua dan seratus (100) Hadiah Mingguan untuk dimenangi
- Hadiah Utama x 1 Pemenang: Samsung 55-inch BU8500 4K UHD Smart TV
- Hadiah Pertama x 1 Pemenang: 1 x Nintendo Switch Oled Model
- Hadiah Kedua x 1 Pemenang: 1 x Apple AirPods Gen 3
- Hadiah Mingguan: Al-Ikhsan Sport Voucher bernilai RM150 x 20 Pemenang/Minggu
  - 1 – 6 Nov x 20 Pemenang
  - 7 – 13 Nov x 20 Pemenang
  - 14 – 20 Nov x 20 Pemenang
  - 21 – 27 Nov x 20 Pemenang

- 28 – 30 Nov x 20 Pemenang

## **6. LIABILITI & TANGGUNGJAWAB**

- Pihak Penganjur akan membuat pengumuman nama peserta yang menang dalam masa tiga-puluh (30) hari selepas Tempoh Peraduan tamat.
- Para pemenang Peraduan akan dihubungi melalui panggilan telefon/aplikasi WhatsApp. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kemenangan jika peserta yang telah menang tetapi gagal untuk dihubungi.
- Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas segala liabiliti yang timbul ketika menuntut hadiah seperti kos pengangkutan, penginapan, persendirian atau liabiliti akibat perubahan kepada butir-butir hadiah dari sebarang keadaan yang tidak dijangkakan, di luar kawalan pihak Penganjur.
- Dengan menyertai Peraduan ini, para peserta bersetuju untuk memberikan kebenaran kepada pihak Penganjur untuk memproses nama peserta bagi tujuan pengiklanan dan publisiti yang berkaitan dengan Peraduan, dalam apa-apa cara penerbitan, pengedaran atau paparan dari semasa ke semasa tanpa sebarang royalti atau pampasan yang perlu dibayar.
- Keputusan akhir Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan dari Peserta tidak akan dilayan.
- Dengan menyertai Peraduan ini, para peserta bersetuju untuk mengikut segala Terma & Syarat bertulis di atas dan keputusan oleh pihak Penganjur.

## **7. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2012**

- Data Peribadi anda seperti nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan/passport, telefon, alamat dan lain-lain yang diberikan kepada kami akan dikumpulkan, disimpan, digunakan dengan mematuhi akan Akta Perlindungan Data Peribadi 2012 (PDPA) dan oleh itu hanya digunakan untuk hal-hal berkaitan dengan Peraduan ini sahaja dan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga (selain daripada syarikat induk pihak Penganjur, anak syarikat, pihak sekutu, pemegang saham, pengarah, kakitangan, kontraktor dan ejen yang membantu dalam menguruskan Peraduan ini) kecuali untuk tujuan menyampaikan hadiah mengikut Terma dan Syarat.

